

20/08/1997

Guna pasport ke Sarawak, Sabah janggal

Misiah Taib

KUCHING, Selasa - Kerajaan Pusat berharap akan tiba masanya penduduk Semenanjung tidak lagi perlu menggunakan pasport untuk melawat Sabah dan Sarawak.

Dengan menyifatkan keperluan itu agak janggal kerana ia berlaku dalam negara sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, rakyat khususnya di Semenanjung harus menerima hakikat itu sehingga penduduk Sarawak lebih yakin.

Menjawab soalan pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di sini hari ini, Perdana Menteri berkata keperluan menggunakan pasport bagi rakyat Semenanjung untuk melawat Sarawak dan Sabah akan diteruskan untuk beberapa lama lagi.

"Sebenarnya kebanyakan mereka telahpun berasa yakin tetapi masih ada yang akan mempolitikkan perkara ini," katanya sambil menambah, Pusat akan bertolak ansur sehingga penduduk kedua-dua negeri ini mempunyai keyakinan.

Keperluan imigresen termasuk perlunya rakyat Semenanjung memohon permit kerja untuk bertugas di Sarawak dan Sabah termaktub dalam Perjanjian 20 Perkara yang digubal sebagai satu syarat bagi kedua-dua negeri ini menyertai Persekutuan Malaysia.

Peguam Semenanjung yang mahu mengendalikan kes di mahkamah Sarawak dan Sabah juga perlu memohon kebenaran sementara daripada majlis peguam negeri. Isu lama ini timbul semula apabila peguam Karpal Singh meminta kerajaan mengkaji semula keperluan itu kerana syarat berkenaan dianggap sebagai tidak munasabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Nazri Aziz turut mengeluarkan kenyataan bahawa peguam dari Semenanjung sepatutnya dibenarkan bebas berkhidmat di Sarawak dan Sabah.

Kenyataan itu mendapat bantahan keras daripada Persatuan Peguamcara Sarawak dan Persatuan Peguam Sabah serta pemimpin politik kedua-dua negeri.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, buat masa sekarang Kerajaan Pusat akan memberi lebih masa kepada dua negeri ini untuk menikmati faedah daripada sekatan yang termaktub dalam Perjanjian 20 Perkara itu.

Perdana Menteri juga mengumumkan pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa baru adalah antara projek yang akan dibina di Kampung Jaya Bakti, Jalan Matang, dekat sini.

Kerajaan Sarawak memberikan tapak seluas 808 hektar kepada Kerajaan Pusat di kawasan itu untuk pembangunan. Kerana itu, selain membina pejabat Persekutuan, kerajaan bercadang membina sebuah lapangan terbang baru di situ.

Mengenai desas-desus bahawa Ekran Berhad akan menarik diri daripada projek empangan hidro elektrik Bakun, Dr Mahathir berkata setakat ini tidak ada kebenaran mengenai perkara itu.

"Tetapi tolonglah maklumkan kepada saya mengenai khabar angin itu," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing berkata, syarikat itu akan menyerahkan kepada Kerajaan Pusat untuk menentukan kedudukannya dalam projek bernilai RM13.6 bilion itu.

(END)